

Bil. S 5

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH SIJIL HALAL DAN LABEL HALAL (PINDAAN), 2012

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 2 dari S 39/05.
 3. Pindaan bab 6.
 4. Pindaan bab 7.
 5. Pemasukan bab 42B baru.
 6. Pindaan bab 46.
 7. Penggantian Jadual Keempat.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH SIJIL HALAL DAN LABEL HALAL (PINDAAN), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan), 2012.

Pindaan bab 2 dari S 39/05.

2. Bab 2 dari Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus sebelum takrifan “sijil” —

“ “pemohon” bermakna seseorang yang membuat suatu permohonan di bawah bab 4(1) atau 10(1);”.

Pindaan bab 6.

3. Bab 6 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraiian (2), dengan memotong “satu tahun” dan menggantikannya dengan “3 tahun”.

Pindaan bab 7.

4. Bab 7 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraiian (2), dengan memotong “satu tahun” dan menggantikannya dengan “3 tahun”.

Pemasukan bab 42B baru.

5. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 42A —

“Mempamerkan notis.

42B. Seseorang pemohon hendaklah, jika diarahkan demikian oleh Majlis, mempamerkan notis di tempat-tempat, mengungkapkannya dengan cara atau menyebabkannya dalam saiz, sebagaimana yang mungkin dianggap patut oleh Majlis.”.

Pindaan bab 46.

6. Bab 46 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam tajuk bab, dengan memasukkan “atau permit” sejurus selepas “sijil”;

(b) dalam ceraian (1) —

(i) dengan memasukkan “atau permit” sejurus selepas “sijil” dalam baris pertama;

(ii) dengan memasukkan “atau suatu permit gantian” sejurus selepas “sijil gantian” yang tertera kali pertama dalam baris akhir ketiga;

(iii) dengan memasukkan “atau permit gantian” sejurus selepas “sijil gantian” yang tertera kali kedua dalam baris akhir kedua;

(c) dalam ceraian (2) —

(i) dengan memasukkan “atau suatu permit gantian” sejurus selepas “sijil gantian” dalam baris pertama;

(ii) dengan memasukkan “atau permit” sejurus selepas “sijil asal” di mana sahaja perkataan itu tertera dalam dua baris akhir.

Penggantian Jadual Keempat.

7. Perintah utama adalah dipinda dengan memansuhkan Jadual Keempat dan menggantikannya dengan Jadual Keempat baru yang berikut —

“JADUAL KEEMPAT

(bab-bab 6(1), 12(1), 43(5),
45 dan 46(1))

BAYARAN

Pengeluaran atau pembaharuan Sijil Halal	\$90
Pengeluaran gantian Sijil Halal atau permit	\$10
Pengeluaran permit	\$50.”.

Diperbuat pada hari ini 6 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 30 haribulan Januari, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM